

05/05/1998

Asnita adakan promosi bersiri

SELEPAS pelancaran Amanah Saham Wanita (Asnita) yang dijangka dilakukan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 5 Mei di PWTC, Wanita Umno akan memperhebatkan promosi Asnita melalui kempen bersiri selama 21 hari. Ketua pergerakan itu, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata kempen itu akan bermula di Pulau Pinang pada 9 Mei ini, diikuti Selangor pada hari berikutnya dan Melaka pada 12 Mei.

Selepas itu, kempen itu akan diteruskan di Terengganu (15 Mei), Sabah (16 Mei), Perak (19 Mei), Kedah (22 Mei) dan Johor (23 Mei).

"Pergerakan Wanita masih menunggu tarikh persetujuan Ketua Menteri dan Menteri Besar bagi negeri-negeri yang tidak disenarai lagi," katanya.

Sebagai institusi perbankan yang dilengkapi perkhidmatan komputer talian terus, BSN berfungsi menyelenggara segala urusan jual beli saham oleh pelabur Asnita di 464 cawangannya di seluruh negara. Habib Jewels pula menyediakan perkhidmatan pembelian semula barangan emas dan berlian secara tunai untuk dilaburkan dalam Asnita. Barangan emas dan berlian itu akan dinilai oleh pakar gemologi mengikut pasaran semasa pada kadar harga yang lebih kompetitif.

Hijrah, kumpulan pakar dan profesional dalam bidang saham bertindak sebagai pengurus dana luar Asnita.

(END)